

**Inovasi Kunci Kepada Pertumbuhan Perniagaan Malaysia
Bernama
7 September 2011**

KUALA LUMPUR, 7 Sept (Bernama)-- Inovasi adalah kunci kepada pertumbuhan perniagaan acara Malaysia, kata Ketua Pegawai eksekutif Persatuan Kongres dan Konvensyen Antarabangsa (ICCA) Martin Sirk.

Katanya kombinasi pertumbuhan dan inovasi adalah unsur yang memacu pembangunan industri acara rantau ini dan adalah tidak mengejutkan untuk melihat Malaysia berada terkehadapan trend itu.

Beliau berkata demikian semasa bercakap pada majlis sumbang saran mengenai cara-cara mengukuhkan daya saing Malaysia di dalam pasaran perniagaan acara global di sini Selasa.

Sirk turut memuji usaha kerajaan dan sektor swasta untuk melabur di segi infrastruktur, pendidikan profesional serta menaikkan standard industri itu.

"Saya melihat langkah memasukkan mesyuarat antarabangsa di dalam Program Transformasi Ekonomi sebagai pemahaman jelas mereka mengenai kepentingan strategik industri itu," katanya.

Sesi itu diadakan semasa Seminar Hari Mesyuarat Inovasi Malaysia 2011 yang julung kali diadakan, anjuran Biro Konvensyen dan Pameran Malaysia (MyCEB) dan dihoskan bersama oleh ICCA.

Acara itu juga bertujuan menggalakkan dan memupuk inovasi di kalangan pemain industri, sekaligus meningkatkan kedudukan Malaysia sebagai destinasi mesyuarat antarabangsa.

Malaysia juga bermatlamat untuk menjadi salah satu daripada lima destinasi mesyuarat utama di rantau Asia Pasifik menjelang 2020.

Menurut kedudukan ICCA, Malaysia kini berada pada kedudukan ketujuh dengan peningkatan 24 peratus di segi bilangan konvensyen antarabangsa yang diadakan pada tahun lepas.

---BERNAMA

Hakcipta © 2011 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v5/bm/newsbusiness.php?id=611949>